

RMK13 tumpu agenda tingkat pendapatan, kesejahteraan rakyat

BERITA HARIAN 31 JUL 2025

m/s: 3

Strategi dirangka depan pelbagai cabaran, tangani perubahan landskap ekonomi

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Kuala Lumpur: Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) yang akan dibentangkan hari ini dijangka memberi tumpuan besar kepada agenda menaikkan taraf hidup rakyat, terutamanya dalam menangani beban kos sara hidup dan melonjakkan paras pendapatan.

Rancangan lima tahun pertama di bawah Kerajaan MADANI itu dijangka sebuah pelan menyeluruh yang mengimbangi antara keperluan mendesak rakyat dengan cita-cita jangka panjang negara.

Tumpuan juga dijangka diberikan kepada pembaharuan perkhidmatan awam bagi memastikan tadbir urus yang baik serta penyampaian perkhidmatan yang telus dan cekap kepada rakyat.

Pelan pembangunan dari 2026 hingga 2030 itu dijangka dijangka dijangka kepada tiga teras kerangka Ekonomi MADANI, yang bermatlamat untuk memperkasa rakyat.

Difahami, antara agenda utama yang menjadi tumpuan di bawah teras 'Menaikkan Lantai' adalah usaha untuk menangani kos sara hidup, meningkatkan mutu kehidupan rakyat dan mencapai keadilan sosial. Teras ini dilihat sebagai usaha langsung kerajaan untuk membela nasib rakyat dan memastikan tiada yang ketinggalan.

Di samping menjaga kebijakan rakyat, RMK13 juga dijangka menggariskan hala tuju berani untuk menstruktur semula ekonomi negara di bawah teras 'Menaikkan Siling'.

Salah satu fokus utama adalah untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang berteraskan Kecerdasan Buatan (AI) dan menjadi hab teknologi digital di rantau ini. Langkah ini selari dengan usaha melonjakkan pertumbuhan industri berteknologi tinggi dan sektor strategik lain.

MBSB Research dalam nota penyelidikannya, berkata pembangunan RMK13 dirangka bagi mendepani cabaran jangka sederhana dan panjang termasuk perubahan iklim, peralihan demografi dan transformasi digital yang sedang merubah landskap ekonomi global.

Katanya, ia juga dijangka menilai keberkesanan pelaksanaan RMK12 sebelum ini dan merumuskan hala tuju baharu bagi melonjakkan daya saing Malaysia dalam ekonomi serantau dan global yang semakin kompleks.

"RMK13 dijangka meneruskan kesinambungan inisiatif sedia

ada seperti Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030), Pelan Induk Peralihan Tenaga Nasional (NETR) dan Rangka Tindakan Peralihan Digital.

"Dalam tempoh RMK12, ekonomi Malaysia menunjukkan daya tahan dengan purata pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 4.1 peratus setahun antara 2021 hingga 2025, disokong pelbagai pakej rangsangan ekonomi dan pelaburan langsung asing," katanya.

Nota penyelidikan itu turut menggariskan beberapa kelemahan seperti kebergantungan kepada pekerja berkemahiran rendah, jurang pendapatan antara wilayah dan komuniti, serta kadar penyertaan tenaga buruh wanita yang masih sederhana.

Perkasa modal insan

Sehubungan itu, menurut MBSB Research, RMK13 perlu memperkukuh agenda pembangunan modal insan termasuk meningkatkan penyertaan pendidikan teknikal dan vokasional (TVET), memacu pembelajaran sepanjang hayat serta menyokong keterlibatan golongan muda dalam ekonomi baharu.

"Kerajaan juga dicadangkan memberi insentif bersasar kepada sektor pertumbuhan strategik seperti teknologi hijau, semikonduktor, bioteknologi dan ekonomi digital sebagai pemacu baharu ekonomi negara.

"Antara langkah yang dicadangkan termasuk mewujudkan ekosistem pelaburan yang kon-



RMK13 dijangka akan terus memberi tumpuan dalam pelbagai usaha meringankan beban hidup rakyat melalui pelbagai inisiatif. (Foto hiasan)

dusif, merangsang inovasi perusahaannya kecil dan sederhana (PKS), serta mempercepatkan pendigitalan sektor awam dan swasta.

"Di samping itu, elemen kesejahteraan rakyat seperti perumahan mampu milik, sistem kesihatan yang berdaya tahan, jaringan keselamatan sosial dan kecekapan sistem pengangkutan awam perlu terus diperkukuh," katanya.

RMK13 juga dijangka memberi perhatian kepada isu keterjaminan makanan, pemeliharaan biodiversiti serta pembangunan bandar dan luar bandar yang se-

imbang, sejajar dengan komitmen Malaysia terhadap Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Menurut MBSB Research, reformasi fiskal dan pembaharuan struktur juga perlu dipercepatkan bagi memastikan pengurusan fiskal kekal mampan tanpa menjejaskan perbelanjaan pembangunan yang kritikal.

"Kejayaan RMK13 dalam mencapai matlamatnya akan bergantung kepada pelaksanaan dasar yang berkesan, ketelusan dalam tadbir urus dan kerjasama erat antara kerajaan, sektor swasta dan masyarakat," katanya.